

17 JUL 2001

Syed Hamid-Seks

LAPORAN PENYELUDUPAN MANUSIA TIDAK BENAR, KATA SYED HAMID

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 17 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata adalah tidak benar yang Malaysia menjadi negara sumber dan negara destinasi bagi wanita dan kanak-kanak yang diseludup untuk dijadikan buruh paksaan dan hamba seks.

Syed Hamid yang bertemu dengan rakan sejawatannya Colin Powell buat pertama kali di Jabatan Negara di sini berkata demikian merujuk kepada laporan kerajaan Amerika Syarikat yang turut menyebut Malaysia sebagai antara negara yang kurang berusaha dalam menangani masalah itu.

Laporan itu menyebut wanita muda terutamanya dari Indonesia, Thailand dan Filipina diseludup ke Malaysia untuk dieksploitasi dan pada masa yang sama sebilangan kecil wanita Malaysia khasnya daripada masyarakat Cina, diseludup ke Jepun, Kanada, Amerika Syarikat dan Taiwan bagi eksploitasi seksual.

Laporan Penyeludupan Orang 2001 itu dikeluarkan oleh Jabatan Negara dengan input daripada pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan diberi mandat oleh Kongres Amerika Syarikat di bawah Akta Perlindungan Mangsa Penyeludupan dan Keganasan Tahun 2000.

Syed Hamid bagaimanapun berkata Powell bersikap "terbuka dan mesra" di pertemuan mereka pada Isnin dan nampaknya "memandang ke hadapan" dalam pendekatan dasar luar beliau.

Syed Hamid berkata, pendekatan dasar luar Powell tidak didorong oleh laporan-laporan yang dikeluarkan oleh kerajaan-kerajaan asing tetapi lebih kepada perspektif jangka panjang.

Kedua-dua negara walaupun mempunyai perbezaan pendapat tetapi secara asasnya hubungan politik, ketenteraan dan ekonomi mereka adalah kukuh, katanya.

Syed Hamid dan Powell membincangkan isu-isu dua hala dan serantau dan "membiasakan diri" dalam persiapan bagi Mesyuarat Menteri-menteri Asean dan Forum Serantau Asean (ARF) di Hanoi, minggu depan.

Hubungan Malaysia-Amerika mencapai titik terendah di bawah pentadbiran Clinton ekoran penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hamid berkata semasa pertemuan itu Powell ada menimbulkan nama Anwar tetapi pertemuan itu tidak bertumpu pada bekas Timbalan Perdana Menteri itu.

Seorang jurucakap Jabatan Negara pula berkata, "Amerika menyambut baik minat Perdana Menteri (Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad) dalam hubungan lebih baik. Bagaimanapun, Amerika memandang berat keadaan hak asasi manusia di Malaysia."

Amerika menganggarkan sekurang-kurangnya 700,000 orang di seluruh dunia menjadi mangsa penyeludupan setiap tahun, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak yang dipaksa bekerja sebagai buruh atau dalam industri seks.

Jabatan Negara menempatkan negara-negara dalam tiga peringkat: Peringkat 1: negara-negara yang mematuhi sepenuhnya standard-standard yang dinyatakan dalam Akta; Peringkat 2, negara-negara yang tidak mematuhi sepenuhnya tetapi menunjukkan usaha signifikan untuk mematuhi; dan Peringkat 3, mereka yang tidak mematuhi dan tidak mengambil usaha-usaha signifikan untuk berbuat demikian.

Malaysia berada di Peringkat 3 bersama Israel, Bahrain, Belarus, Bosnia-Herzegovina, Burma, Indonesia, Greek, Gabon, Albania, Kazakhstan, Turki, Korea Selatan, Arab Saudi, Sudan, Emiriah Arab Bersatu, Yugoslavia

dan Congo.

Negara-negara yang tidak mematuhi menghadapi risiko sekatan daripada Amerika bermula 2003.

-- BERNAMA.

SH ZS PR